

23/07/1997

Melayu perlu pertahan identiti bangsa

RIAU (Indonesia), Selasa - Orang Melayu tidak seharusnya malu atau merendah diri dalam soal penggunaan bahasa Melayu, sebaliknya identiti bangsa itu hendaklah dipertahankan, kata Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Afifuddin Omar.

Beliau berkata, pada masa yang sama orang Melayu hendaklah terus berjuang supaya menjadi bangsa yang maju di rantau ini pada abad ke-21.

Katanya, orang Melayu mesti memperbaiki dan mengukuhkan kedudukan ekonominya yang menjadi penentu bagi menguasai bidang lain.

Sebab itu, menurut Dr Afifuddin, Kerajaan Malaysia pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, turut berusaha menerapkan sistem ekonomi berdasarkan Islam.

Beliau berkata demikian pada seminar serantau 'Kebangkitan Asia: Peranan Generasi Baru Asia Tenggara' di Pekanbaru dekat sini yang bermula semalam.

Seminar tiga hari itu dianjurkan bersama Pusat Kajian Kepemimpinan dan Pembangunan (Celdes) Malaysia serta Pusat Pengkajian Islam Asia Tenggara, Riau dan Institut Pemikiran Islam Antarabangsa Malaysia.

Kira-kira 300 wakil pelbagai badan dan pertubuhan politik, sosial, agama dan intelektual termasuk lebih 70 dari Malaysia, menyertai seminar itu.

Sementara itu, Prof Madya Dr Siddiq Fadzil dari Institut Kajian Dasar Malaysia, berkata budaya ilmu yang hendak diterapkan harus bersifat dinamik dan futuristik demi membina generasi Melayu yang tidak hanya tahu meniru, tetapi mampu mencipta yang baru.

Dalam kertas kerjanya bertajuk 'Melayu Abad 21: Memperkasa Budaya Belia', beliau berkata, ini penting kerana era maklumat akan segera diikuti era kreatif.

Menurutnya, perkembangan ini menyebabkan persaingan mencapai keunggulan tidak lagi berupa perlumbaan 'siapa yang tahu lebih dahulu', tetapi 'siapa yang lebih dahulu mencipta yang baru'.

(END)